

GARIS PANDUAN

APEL.A

STAF

PENGAKREDITAN
PEMBELAJARAN BERASASKAN
PENGALAMAN TERDAHULU BAGI
TUJUAN AKSES KE PROGRAM
AKADEMIK

2024

Edisi Pertama



SENARAI KANDUNGAN

SENARAI KANDUNGAN	i
SENARAI JADUAL	ii
GLOSARI	iii
SINGKATAN DAN AKRONIM	iv
PENDAHULUAN	1
1.1 LATAR BELAKANG	1
1.2 PUSAT PENILAIAN APEL UniSZA	1
1.3 KOMPETENSI CALON	2
1.4 SYARAT KEMASUKAN	2
PROSES PERMOHONAN DAN PENILAIAN	4
2.1 PERMOHONAN MELALUI MQA	4
2.2 PERMOHONAN MELALUI PUSAT PENILAIAN APEL UniSZA	4
2.3 SARINGAN AWAL	4
2.4 BAYARAN CAJ PENILAIAN	5
2.5 KOMPONEN PENILAIAN	5
2.6 RAYUAN KEPUTUSAN APEL	10
PANEL PENILAI DAN MODERATOR	11
2.7 PANEL PENILAI	11
2.8 JAMINAN KUALITI	13
LAMPIRAN 1	14
CARTA ALIR: PROSES PERMOHONAN DAN PENILAIAN APEL.A	14
LAMPIRAN 2	15
CARTA ALIR: PROSES PENSIJILAN APEL.A T-4	15
CARTA ALIR: PROSES PENSIJILAN APEL.A T-6	16
CARTA ALIR: PROSES PENSIJILAN APEL.A T-7- MOD KERJA KURSUS/CAMPURAN	17
CARTA ALIR: PROSES PENSIJILAN APEL.A T-7 & T-8 - MOD PENYELIDIKAN	18
LAMPIRAN 3	19
LAMPIRAN 4	39

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Syarat Kemasukan ke Program Peringkat Diploma (APEL T-4)	2
Jadual 2: Syarat Kemasukan ke Program Peringkat Sarjana Muda (APEL T-6)	3
Jadual 3: Syarat Kemasukan ke Program Peringkat Sarjana (APEL T-7)	3
Jadual 4: Syarat Kemasukan ke Program Peringkat Ijazah Kedoktoran (APEL T-8)	3
Jadual 5: Bayaran Caj Penilaian APEL.A	5
Jadual 6: Komponen Penilaian Mengikut Tahap	6
Jadual 7: Komponen Ujian Aptitud bagi Diploma (T-4), Sarjana Muda (T-5), dan Sarjana (T-7) .	7
Jadual 8: Kadar Yuran bagi Ujian Ulangan	11

GLOSARI

Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu

Satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan penilaian terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu seperti ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap, untuk menentukan tahap seseorang individu mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan, bagi mengakses sesuatu program pengajian. APEL.A memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pengalaman kerja tetapi kurang kelayakan atau tiada kelayakan akademik untuk menyambung pengajian di Institusi Pengajian Tinggi.

Pembelajaran Formal

Pembelajaran bersengaja atau program pengajian yang disampaikan dalam satu konteks yang terancang dan berstruktur (pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej teknikal dan universiti) yang membawa kepada penganugerahan formal / kelayakan yang diiktiraf.

Pembelajaran Tidak Formal

Pembelajaran berlaku secara berterusan melalui pengalaman hidup dan kerja (juga dikenali sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman). Ia biasanya pembelajaran yang diperoleh secara tidak bersengaja.

Pembelajaran Bukan Formal

Pembelajaran yang selari dengan sistem pendidikan dan latihan arus perdana. Ianya boleh dinilai tetapi lazimnya tidak akan membawa kepada persijilan yang formal.

Kerangka Kelayakan Malaysia

Satu instrumen yang mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan telah ditanda aras dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

SINGKATAN DAN AKRONIM

APEL.A	Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu bagi tujuan Akses
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia
PPA	Pusat Penilaian APEL
UniSZA	Universiti Sultan Zainal Abidin

PENDAHULUAN

Panduan ini disediakan kepada calon APEL.A yang merangkumi aspek syarat asas permohonan, proses penilaian dan caj bagi permohonan calon APEL.A.

1.1 LATAR BELAKANG

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah memperkenalkan Akreditasi Pembelajaran Pengalaman Terdahulu (APEL) bagi tujuan menyediakan akses kepada pendidikan tinggi, iaitu APEL bagi tujuan Akses (APEL.A) pada tahun 2010.

APEL.A memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pengalaman kerja tetapi kurang kelayakan atau tiada kelayakan akademik untuk menyambung pelajaran di Pemberi Pengajian Tinggi (PPT). Secara umumnya, penilaian APEL.A melibatkan penilaian terhadap ilmu yang diperoleh calon menerusi pendidikan formal mahupun menerusi pengalamannya yang terdahulu.

1.2 PUSAT PENILAIAN APEL UniSZA

Penilaian APEL di Pusat Penilaian APEL (PPA) UniSZA merangkumi empat (4) peringkat kemasukan iaitu:

- i. Kemasukan ke program Diploma (APEL T-4)
- ii. Kemasukan ke program Sarjana Muda (APEL T-6)
- iii. Kemasukan ke program Sarjana (APEL T-7)
- iv. Kemasukan ke program Ijazah Kedoktoran (APEL T-8)

Akses kepada pendidikan tinggi melalui APEL T-7 dan APEL T-8 terbuka kepada calon antarabangsa. Calon antarabangsa bertanggungjawab memastikan pengakreditan berasaskan pengalaman terdahulu diiktiraf oleh badan kawal selia institusi pengajian di negara asal.

1.3 KOMPETENSI CALON

Kecekapan yang diperlukan untuk penilaian APEL.A adalah berdasarkan kepada lima kelompok hasil pembelajaran MQF, untuk memastikan bahawa calon mempunyai kecekapan minimum berikut untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi:

- a) Pengetahuan dan kefahaman.
- b) Kemahiran kognitif.
- c) Kemahiran kerja fungsian dengan memberi tumpuan kepada:
 - i. kemahiran praktikal.
 - ii. kemahiran interpersonal dan komunikasi.
 - iii. kemahiran digital dan celik angka.
 - iv. kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab.
- d) Kemahiran peribadi dan keusahawanan.
- e) Etika dan profesionalisme.

1.4 SYARAT KEMASUKAN

Calon hendaklah mematuhi syarat kemasukan dan menyediakan dokumen yang ditetapkan seperti berikut:

- a. Kemasukan ke Program Peringkat Diploma (APEL T-4) seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Syarat Kemasukan ke Program Peringkat Diploma (APEL T-4)

Bil.	Syarat Kemasukan	Dokumen
1.	Warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 20 tahun semasa tarikh permohonan	Salinan MyKad yang telah disahkan
2.	Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan	Sijil / dokumen berkaitan yang telah disahkan
3.	Lulus penilaian APEL.A bagi peringkat Diploma	Sijil lulus APEL.A daripada MQA

- b. Kemasukan ke Program Peringkat Sarjana Muda (APEL T-6) seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Syarat Kemasukan ke Program Peringkat Sarjana Muda (APEL T-6)

Bil.	Syarat Kemasukan	Dokumen
1.	Warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 21 tahun semasa tarikh permohonan	Salinan MyKad yang telah disahkan
2.	Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan	Sijil / dokumen berkaitan yang telah disahkan
3.	Lulus penilaian APEL.A bagi peringkat Sarjana Muda	Sijil lulus APEL.A daripada MQA

- c. Kemasukan ke Program Peringkat Sarjana (APEL T-7) seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Syarat Kemasukan ke Program Peringkat Sarjana (APEL T-7)

Bil.	Syarat Kemasukan	Dokumen
1.	Warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 30 tahun semasa tarikh permohonan	Salinan MyKad yang telah disahkan
2.	Memiliki kelayakan STPM / Diploma / kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya**	Salinan sijil akademik berkaitan beserta transkrip yang telah disahkan
3.	Mempunyai pengalaman kerja yang berkaitan	Sijil / dokumen yang berkaitan
4.	Lulus penilaian APEL.A bagi peringkat Sarjana mod kerja kursus/campuran atau penyelidikan	Sijil lulus APEL.A daripada MQA

- d. Kemasukan ke Program Peringkat Ijazah Kedoktoran (APEL T-8) seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Syarat Kemasukan ke Program Peringkat Ijazah Kedoktoran (APEL T-8)

Bil.	Syarat Kemasukan	Dokumen
1.	Warganegara Malaysia berumur sekurang-kurangnya 35 tahun semasa tarikh permohonan	Salinan MyKad yang telah disahkan
2.	Memiliki kelayakan Sarjana Muda / kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya**	Salinan sijil akademik berkaitan beserta transkrip yang telah disahkan
3.	Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman kerja yang berkaitan selepas tamat program Sarjana Muda	Sijil / dokumen yang berkaitan
4.	Lulus penilaian APEL.A bagi peringkat Ijazah Kedoktoran mod penyelidikan	Sijil lulus APEL.A daripada MQA

Nota: **Bagi kesetaraan kelayakan antarabangsa, calon antarabangsa T-7 dan T-8 boleh merujuk ke laman web MQA https://www.mqa.gov.my/py4/nilai_taraf.cfm

PROSES PERMOHONAN DAN PENILAIAN

2.1 PERMOHONAN MELALUI MQA

Calon perlu mengemukakan permohonan melalui laman sesawang MQA: https://www2.mqa.gov.my/apel_a/. Rujuk Lampiran 1 untuk carta alir bagi proses permohonan dan penilaian.

Setelah selesai proses pendaftaran dan permohonan penilaian APEL.A di laman sesawang MQA, calon akan diminta untuk membuat pendaftaran di PPA yang dipilih. Yuran hendaklah dibayar kepada PPA tersebut.

2.2 PERMOHONAN MELALUI PUSAT PENILAIAN APEL UniSZA

Calon akan menerima pautan Sistem Penilaian APEL.A UniSZA melalui emel bagi membolehkan calon mendaftar permohonan. Bagi calon APEL permohonan adalah berdasarkan kepada bidang pengajian yang ditawarkan di PPA UniSZA.

2.3 SARINGAN AWAL

UniSZA akan menerima pemakluman permohonan calon APEL.A dan melakukan saringan awal bagi mengesahkan calon APEL.A yang layak untuk melalui proses penilaian. Saringan awal melibatkan pengesahan untuk perkara berikut:

- i. Kerakyatan calon
- ii. Umur calon mengikut tahap pengajian permohonan APEL.A
- iii. Kelayakan akademik terdahulu calon (T-7 dan T-8 sahaja)
- iv. Status pengiktirafan/akreditasi program bagi kelayakan terdahulu calon (T-7 dan T-8 sahaja).

Nota:

Calon T-7 dan T-8 boleh merujuk ke laman web MQA <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> bagi menyemak perkara (iv).

2.4 BAYARAN CAJ PENILAIAN

Bayaran caj penilaian APEL.A bagi calon yang layak adalah seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: *Bayaran Caj Penilaian APEL.A*

Bil.	Tahap	Jumlah Bayaran (RM)	Kaedah Pembayaran
1.	Diploma (T-4)	RM 240.00	• Pembayaran kepada Bendahari UniSZA melalui sistem permohonan di Sistem Pengurusan APEL UniSZA • Pembayaran wajib dibuat melalui sistem
2.	Sarjana Muda (T-6)	RM 370.00	
3.	Sarjana (T-7)	RM 560.00	
4.	Ijazah Kedoktoran (T-8)	RM 750.00	

Nota:

Bayaran caj penilaian yang telah dilakukan tidak akan dikembalikan.

2.5 KOMPONEN PENILAIAN

Pensijilan APEL.A menentukan kelayakan calon untuk memohon kemasukan ke peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana atau Ijazah Kedoktoran. Calon diminta untuk memohon pensijilan APEL.A sekurang-kurangnya dalam tempoh ENAM (6) bulan sebelum tarikh kemasukan ke Pemberi Pengajian Tinggi (PPT) pilihan. Proses pensijilan APEL.A untuk Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Ijazah Kedoktoran adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 2.

Markah penuh bagi semua komponen penilaian ialah 100%. Pemberat markah bagi setiap komponen penilaian mengikut tahap ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Komponen Penilaian Mengikut Tahap

Tahap Ujian	Diploma (Tahap 4)	Sarjana Muda (Tahap 6)	Sarjana (Tahap 7) mod kerja kursus/ campuran	Sarjana (Tahap 7) mod penyelidikan	Ijazah Kedoktoran (Tahap 8) mod penyelidikan
Ujian Aptitud	100%	30%	40%	-	-
Penilaian Portfolio	-	70%	40%	50%	50%
Pembentangan Cadangan Penyelidikan	-	-	-	30%	30%
Temuduga	-	-	20%	20%	20%

Syarat Lulus adalah seperti berikut :

- Memperoleh markah minimum 50% dari markah Ujian Aptitud
- Memperoleh markah minimum 50% dari markah Portfolio
- Memperoleh markah minimum 50% dari markah Pembentangan Cadangan Penyelidikan
- Memperoleh markah minimum 50% dari markah Temuduga

Berikut adalah proses pensijilan APEL.A yang perlu dilalui oleh calon;

a. Ujian Aptitud

Ujian Aptitud merupakan peperiksaan formal untuk menilai tahap kompetensi dan kesiediaan calon mengikuti pembelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Komponen ujian adalah dari aspek merangkumi pengetahuan dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris Matematik, dan pengetahuan am / pemikiran kritis. Ujian ini meliputi sebanyak 100% tahap Diploma (T-4), 30% tahap Sarjana Muda (T-6), dan 40% tahap Sarjana (T-7) bagi keseluruhan markah penilaian APEL.A. Komponen Ujian Aptitud bagi Diploma (T-4), Sarjana Muda (T-6), dan Sarjana (T-7) ditunjukkan dalam Jadual 7. Bahagian seterusnya akan menerangkan struktur Ujian Aptitud.

Jadual 7: Komponen Ujian Aptitud bagi Diploma (T-4), Sarjana Muda (T-6), dan Sarjana (T-7)

Tahap	Komponen	Jumlah Soalan		Tahap Kompetensi	Tempoh Masa
		Calon Warganegara	Calon** Antarabangsa		
Diploma (APEL T-4)	Bahasa Melayu	10 soalan objektif	-	PMR atau setara	2 jam
	Bahasa Inggeris	10 soalan objektif	20 soalan objektif		
	Matematik	10 soalan objektif	10 soalan objektif		
	Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	10 soalan objektif	10 soalan objektif		
Sarjana Muda (APEL T-6)	Bahasa Melayu	10 soalan objektif	-	SPM atau setara	2 jam
	Bahasa Inggeris	10 soalan objektif	20 soalan objektif		
	Matematik	10 soalan objektif	10 soalan objektif		
	Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	10 soalan objektif	10 soalan objektif		
Ijazah Sarjana (APEL T-7) (Mod Kerja Kursus / Campuran)	Bahasa Melayu	Bahagian A: Objektif (13 Soalan) Bahagian B: Struktur (1 Soalan)	-	Sarjana Muda (tahun pertama) dan setara	2 jam 30 minit
	Bahasa Inggeris	Bahagian A: Objektif (12 Soalan) Bahagian B: Struktur (1 Soalan)	Bahagian A: Objektif (25 Soalan) Bahagian B: Struktur (2 Soalan)		
	Matematik	Bahagian A: Objektif (25 soalan) Bahagian B: Struktur (1 soalan)	Bahagian A: Objektif (25 soalan) Bahagian B: Struktur (1 soalan)		
	Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis	Bahagian A: Objektif (25 Soalan) Bahagian B: Struktur (2 Soalan)	Bahagian A: Objektif (25 Soalan) Bahagian B: Struktur (2 Soalan)		

Nota:

******Bagi calon antarabangsa struktur soalan aptitud adalah seperti berikut:

- **Komponen Bahasa Melayu** tidak akan dinilai. Jumlah bilangan soalan yang dikecualikan bagi komponen Bahasa Melayu akan ditambah ke dalam komponen Bahasa Inggeris.
- **Komponen Pengetahuan Am/ Pemikiran Kritis** difokuskan kepada isu diperingkat global.

Calon dikehendaki menduduki Ujian Aptitud pada masa dan tarikh yang akan dimaklumkan Pusat APEL UniSZA. Bagi calon daripada kategori yang kelayakannya belum pernah dinilai dan diluluskan oleh MQA/Lembaga Akreditasi Negara/Kementerian berkaitan, Pusat APEL UniSZA akan mengeluarkan makluman melalui e-mel kepada calon bahawa kelayakan tidak diterima untuk meneruskan penilaian.

b. Penilaian Portfolio dan Temu duga

Calon yang **lulus Ujian Aptitud** perlu menyediakan dokumen portfolio diri dan menghantarnya melalui sistem. Portfolio merupakan satu dokumen kompilasi pengalaman terdahulu, termasuklah pembelajaran formal, tidak formal dan bukan formal. Calon perlu menyediakan portfolio mengikut format yang ditetapkan oleh MQA seperti dalam Lampiran 3.

- **Diploma (APEL T-4):** Calon perlu menyediakan portfolio mengikut format yang ditetapkan dan ia boleh disediakan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Dokumen portfolio diri akan digunakan sebagai pengesahan pengalaman terdahulu untuk mendapatkan Sijil APEL.A.
- **Sarjana Muda (APEL T-6):** Calon perlu menyediakan portfolio mengikut format yang ditetapkan dan ia boleh disediakan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Penilaian akan dilakukan ke atas portfolio yang diserahkan oleh calon yang meliputi 70% dari markah keseluruhan penilaian APEL.A. Calon wajib lulus penilaian portfolio untuk mendapatkan Sijil APEL.A.

- **Sarjana (APEL T-7) mod kerja kursus/campuran:** Calon perlu menyediakan portfolio mengikut format yang ditetapkan perlu disediakan dalam Bahasa Inggeris. Penilaian akan dilakukan ke atas portfolio yang diserahkan oleh calon yang meliputi 40% dari markah keseluruhan penilaian APEL.A. Calon wajib lulus penilaian portfolio untuk layak ke sesi temu duga. Temu duga meliputi 20% dari markah keseluruhan penilaian APEL T-7.
- **Sarjana (APEL T-7) mod penyelidikan:** Calon perlu menyediakan portfolio mengikut format yang ditetapkan perlu disediakan dalam Bahasa Inggeris. Penilaian akan dilakukan ke atas portfolio yang diserahkan oleh calon yang meliputi 50% dari markah keseluruhan penilaian APEL.A. Calon wajib lulus penilaian portfolio untuk layak ke sesi pembentangan cadangan penyelidikan yang meliputi 30% dari markah keseluruhan penilaian. Seterusnya, calon wajib lulus penilaian pembentangan cadangan penyelidikan untuk layak ke sesi temu duga. Temu duga meliputi 20% dari markah keseluruhan penilaian APEL T-7.
- **Ijazah Kedoktoran (APEL T-8) mod penyelidikan:** Calon perlu menyediakan portfolio mengikut format yang ditetapkan perlu disediakan dalam Bahasa Inggeris. Penilaian akan dilakukan ke atas portfolio yang diserahkan oleh calon yang meliputi 50% dari markah keseluruhan penilaian APEL.A. Calon wajib lulus penilaian portfolio untuk layak ke sesi pembentangan cadangan penyelidikan yang meliputi 30% dari markah keseluruhan penilaian. Seterusnya, calon wajib lulus penilaian pembentangan cadangan penyelidikan untuk layak ke sesi temu duga. Temu duga meliputi 20% dari markah keseluruhan penilaian APEL T-8.

c. Keputusan Penilaian APEL

Makluman keputusan akan dibuat melalui sistem di Pusat APEL UniSZA dan e-mel notifikasi kepada calon. Calon yang berjaya dalam penilaian akan diberikan Sijil APEL.A oleh MQA. Sijil APEL.A hanya boleh digunakan untuk tujuan melanjutkan pelajaran ke IPT. Ianya bukanlah penganugerahan kelayakan seperti mana program akademik. Sijil APEL.A juga tidak boleh digunakan untuk tujuan pekerjaan.

2.6 RAYUAN KEPUTUSAN APEL

Calon yang gagal dalam mana-mana instrumen penilaian boleh merayu untuk semakan keputusan, menduduki semula ujian atau memilih untuk mengundurkan diri. Calon akan dikenakan bayaran rayuan atau menduduki semula ujian yang ditetapkan oleh MQA untuk setiap percubaan.

Calon boleh mengemukakan rayuan untuk saringan di MQA dengan mengemukakan dokumen makluman dari Pusat APEL UniSZA bahawa kelayakan tidak diterima beserta salinan dokumen berikut:

- i. Salinan MyKad;
- ii. Salinan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Diploma;
- iii. Salinan transkrip penuh Diploma; dan
- iv. *Resume (curriculum vitea)*.

MQA akan memaklumkan keputusan rayuan melalui e-mel kepada calon dan Pusat APEL UniSZA. Sekiranya rayuan calon diterima oleh MQA, Pusat APEL UniSZA akan mengatur calon untuk menduduki Ujian Aptitud.

Calon yang tidak berpuas hati dengan keputusan keputusan penilaian APEL boleh mengemukakan rayuan bertulis kepada Pusat APEL UniSZA dengan mengemukakan alasan untuk rayuan. Rayuan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pengumuman rasmi keputusan. Penilai lain akan dilantik untuk menilai merit rayuan.

Pusat APEL UniSZA akan menghubungi calon untuk menduduki semula ujian dan memaklumkan maklumat lain yang berkaitan rayuan dan sebagainya melalui e-mel atau panggilan telefon.

i. Rayuan Penilaian **Ujian Aptitud**:

- Calon yang gagal Ujian Aptitud boleh mengulang maksimum 2 kali percubaan. Sekiranya masih gagal pada percubaan kedua, calon perlu menunggu sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum mengulang untuk kali terakhir.
- Calon akan dikenakan bayaran bagi setiap ujian ulangan tersebut (Rujuk Jadual 8).

ii. Rayuan **Penilaian Portfolio**:

- Calon yang gagal dalam penilaian boleh menghantar semula portfolio untuk penilaian semula. Walau bagaimanapun, penghantaran semula ini hanya boleh dibuat sekurang-kurangnya enam (6) bulan selepas tarikh pemakluman keputusan penilaian.

Calon Sarjana (APEL T-7) mod penyelidikan dan Ijazah Kedoktoran (APEL T-8) mod penyelidikan yang gagal penilaian salah satu komponen portfolio atau temu duga perlu membuat ulangan bagi kedua-dua penilaian portfolio dan temu duga.

Jadual 8: Kadar Yuran bagi Ujian Ulangan

Jenis Penilaian	Tahap	Kadar Yuran
Rayuan Penilaian Ujian Aptitud	Diploma (APEL T-4)	RM100.00
	Sarjana Muda (APEL T-6)	RM150.00
	Sarjana (APEL T-7)	RM200.00
Rayuan Penilaian Portfolio	Sarjana Muda (APEL T-6) Sarjana (APEL T-7)	RM80.00

2.7 PANEL PENILAI DAN MODERATOR

Semakan penilaian haruslah dibuat oleh dua (2) orang panel yang telah dilantik dan dilatih tentang instrumen penilaian serta merupakan pakar dalam bidang berkaitan. Panel penilai bertanggungjawab memastikan setiap penilaian dilakukan secara menyeluruh, tepat, dan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Selain itu, peranan moderator adalah untuk memantau, menyelaras, dan memastikan konsistensi keputusan penilaian antara panel. Ini bagi memastikan integriti, keadilan, dan kualiti proses penilaian terjamin, sekaligus meningkatkan kredibiliti hasil penilaian.

a. Proses Pemilihan dan Lantikan Panel Penilai

i. Tugas utama Penilai adalah:

- Melaksanakan penilaian berdasarkan instrumen yang relevan dan bersesuaian dengan tahap Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) permohonan pemohon.
- Memastikan dan menyediakan maklum balas yang membina dan difahami oleh

pemohon.

- Jika penilai mempunyai maklumat latar belakang mengenai kemahiran/pencapaian pemohon tetapi maklumat ini tidak disediakan dalam dokumen yang dikemukakan oleh pemohon, maka penilai perlu mengabaikan maklumat tersebut dalam membuat keputusan semasa penilaian.
- Melaporkan hasil penilaian APEL.A kepada pihak Pengurusan Pusat Penilaian APEL.

ii. Syarat lantikan Penilai:

- Mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang berkaitan.
- Tempoh lantikan adalah selama setahun.
- Mahir dalam prosedur dan memahami prinsip berkaitan kandungan serta keperluan penilaian.
- Perlu menghadiri kursus latihan yang berkaitan dengan dasar, prosedur, dan penilaian APEL.A sebelum mengambil peranan mereka sebagai Penilai.
- Penilai tidak mempunyai konflik kepentingan langsung dengan pemohon, contohnya penilai adalah majikan pemohon, atau penilai adalah pesaing pemohon yang mungkin menghalang aksesibiliti untuk mengiktiraf pembelajaran pengalaman terdahulu pemohon.
- Penilai tidak dipengaruhi oleh sikap peribadi terhadap aktiviti pemohon (contohnya, pemohon adalah wakil daripada aliran pemikiran yang berbeza).

b. Proses Pemilihan dan Lantikan Moderator

i. Tugas utama Moderator

- Moderator yang dilantik untuk menyemak dan memastikan keseragaman keputusan penilaian.
- Moderator memastikan bahawa semua penilaian dijalankan berdasarkan kriteria yang ditetapkan, tanpa bias atau ketidaksejajaran dalam keputusan.
- Semua penilaian dan instrumen yang dibangunkan serta penilaian calon yang dinilai mesti dimoderasi oleh moderator yang dilantik

i. Syarat lantikan Moderator

- Mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang berkaitan.
- Tempoh lantikan adalah selama setahun.

- Mahir dalam prosedur dan memahami prinsip berkaitan kandungan serta keperluan penilaian.
- Perlu menghadiri kursus latihan yang berkaitan dengan dasar, prosedur, dan penilaian APEL.A sebelum mengambil peranan mereka sebagai Penilai.
- Moderator tidak mempunyai konflik kepentingan langsung dengan pemohon, contohnya penilai adalah majikan pemohon, atau penilai adalah pesaing pemohon yang mungkin menghalang aksesibiliti untuk mengiktiraf pembelajaran pengalaman terdahulu pemohon.
- Moderator tidak dipengaruhi oleh sikap peribadi terhadap aktiviti pemohon (contohnya, pemohon adalah wakil daripada aliran pemikiran yang berbeza).


Calon boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Pusat Penilaian APEL UniSZA untuk pemilihan bukti yang sesuai untuk dikemukakan mengikut keutamaan dan kesesuaian bidang yang dimohon. Calon boleh merujuk kepada Lampiran 4 bagi melihat contoh bukti yang boleh dimuatkan dalam portfolio. Penilaian akan dijalankan oleh individu yang tidak terlibat dalam proses khidmat nasihat kepada calon.

2.8 JAMINAN KUALITI


Pusat Pemindahan Ilmu & Pendidikan Berterusan (P2P) dan Pusat Perancangan Strategik, Risiko & Pengurusan Kualiti (SPaRQM), UniSZA akan memantau dan menyemak operasi Pusat Penilaian APEL secara berkala bagi memastikan semua proses dan prosedur adalah telus dan jelas mengikut garis panduan MQA & UniSZA dalam menawarkan khidmat yang berkualiti.

LAMPIRAN 1


CARTA ALIR: PROSES PERMOHONAN DAN PENILAIAN APEL.A




CARTA ALIR: PROSES PENSIJILAN APEL.A T-4




CARTA ALIR: PROSES PENSIJILAN APEL.A T-6



CARTA ALIR: PROSES PENSIJILAN APEL.A T-7- MOD KERJA KURSUS/CAMPURAN



CARTA ALIR: PROSES PENSIJILAN APEL.A T-7 & T-8 - MOD PENYELIDIKAN



BORANG PENILAIAN PORTFOLIO VERSI BAHASA INGGERIS



APEL PORTFOLIO EVALUATION FORM

Recent photo

PART 1: PERSONAL DETAILS

FULL NAME						
IC NUMBER						
INTENDED FIELD OF STUDY						
INTENDED PROGRAMME						
LEVEL OF STUDY	☐	Diploma	☐	Bachelor	☐	Master
REFERENCE NUMBER	(for MQA use only)					

PART 2: DETAILS OF LEARNING ACQUIRED (start with the most recent)

a) FORMAL LEARNING

Intentional learning/programme of study delivered within an organisation and structured context (pre-school, primary school, secondary school, technical college and university) that may lead to formal recognition / a recognised qualification.

NO.	ACADEMIC QUALIFICATION	AWARDING BODY/ INSTITUTION	YEAR AWARDED	COMPETENCIES (Please tick v) (Please refer Appendix C for list of skills on what I have learnt)								EVIDENCE OF LEARNING* (Please refer Appendix A for examples of evidence)
				1	2	3	4	5	6	7	8	
1.												
2.												
3.												
4.												
5.												

***Note: All evidence must be properly labelled**

a) INFORMAL LEARNING (start with the most recent)

Learning which takes place continuously through life and work experiences (sometimes known as experiential learning). It is often unintentional learning.

NO.	NAME OF EMPLOYER/ SELF-EMPLOYED	CONTACT ADDRESS	DURATION (MONTH/YEAR)		POSITION HELD	WHAT I HAVE LEARNT/ACQUIRED (Please tick ✓) (Please refer Appendix B for list of skills on what I have learnt)								EVIDENCE OF LEARNING* (Please refer Appendix A for examples of evidence)
			FROM	TO	1	2	3	4	5	6	7	8		
1.														
2.														
3.														
4.														
5.														
6.														

*Note: All evidence must be properly labelled

OTHER LEARNING ACTIVITIES This may include your hobbies/ sports/ recreation/ social/ community service/ training given/ consultancy services or other activities which might be relevant to the competencies.		YEAR	WHAT I HAVE LEARNT/ACQUIRED (Please tick ✓) (Please refer Appendix B for list of skills on what I have learnt)								EVIDENCE OF LEARNING* (if any) (Please refer Appendix A for examples of evidence)
			1	2	3	4	5	6	7	8	
1											
2											
3											
4											

***Note: All evidence must be properly labelled**

b) NON-FORMAL LEARNING (start with the most recent)

Learning that takes place alongside the mainstream systems of education and training. It may be assessed but does not normally lead to formal certification.

NO.	NAME/TITLE OF TRAINING OR COURSE	ORGANISER/ LOCATION	DATE	LENGTH (Hours/ Days/ Month)	WHAT I HAVE LEARNT/ACQUIRED (Please tick ✓) (Please refer Appendix B for list of skills on what I have learnt)								EVIDENCE OF LEARNING* (if any) (Please refer Appendix A for examples of evidence)
					1	2	3	4	5	6	7	8	
1.													
2.													
3.													
4.													
5.													
6.													
7.													

***Note: All evidence must be properly labelled**

d) LANGUAGE COMPETENCY

LANGUAGE		LEVEL OF COMPETENCE (Please tick v) 1: POOR; 2: AVERAGE; 3: GOOD; 4: EXCELLENT															
		LISTENING				READING				SPEAKING				WRITING			
		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
1.																	
2.																	
3.																	

e) SELF ASSESSMENT/REFLECTION (Compulsory)

Describe how your prior learning experiences prepare you for the intended level of study (Not more than 250 words):

1. Why do you want to pursue this intended programme of study?

2. How is your prior learning experience applicable to/related to/relevant to your chosen field of study?

3. What are your action plans in ensuring the successful completion of your programme? (Commitment, time management, financial resources and support etc).

4. How will the completion of this programme help you in your life?

REFEREES (Family members and relatives cannot serve as referees)

NAME		
POSITION		
ORGANISATION		
PHONE NUMBER	OFFICE: <i>(Compulsory)</i>	MOBILE:
EMAIL ADDRESS		
RELATIONSHIP		

NAME		
POSITION		
ORGANISATION		
PHONE NUMBER	OFFICE: <i>(Compulsory)</i>	MOBILE:
EMAIL ADDRESS		
RELATIONSHIP		

PART 4: SELF DECLARATION

I hereby declare that all of the information/documents provided to support this application are authentic, true and accurate. I fully understand the Terms and Conditions of the application and agree that my application will be rejected if I have falsified any information in any way.

Signature: Name: Date:

This application is subject to Terms and Conditions stated below

- a. Documents that are not in English or Bahasa Malaysia must be accompanied by a certified full translation.
- b. The Malaysian Qualifications Agency (MQA) is authorised by the applicant, to make references to and use the information or data in this application as may be deemed necessary.
- c. The certification applied for is designed to meet requirements set by the Malaysian Qualifications Agency (MQA). Admission to the Academic Programme applied for, using this APEL Certificate is subject to the Academic Regulations approved by the University /College.
- d. Non-refundable application fee of **RM** _____ is submitted. **Do not send cash.**

CHECK LIST		<i>For Office Use</i>	
	YES	NO	
Photocopy IC	☐	☐	Acknowledgment Date
Application Fee (Transfer receipts/ Banker's Cheque/Draft No)	☐	☐	
1 recent passport size photographs	☐	☐	
Certified Certificates/Documents	☐	☐	
1 copy of application	☐	☐	

BORANG PENILAIAN PORTFOLIO VERSI BAHASA MELAYU



BORANG PENILAIAN PORTFOLIO APEL

Gambar terkini

BAHAGIAN 1: MAKLUMAT PERIBADI

NAMA PENUH				
NO KAD PENGENALAN				
BIDANG PENGAJIAN YANG INGIN DIPOHON				
PROGRAM PENGAJIAN YANG INGIN DIPOHON				
TAHAP PENGAJIAN	☐ Diploma	☐ IJAZAH SARJANA MUDA	☐ IJAZAH SARJANA	
NO RUJUKAN	(for MQA use only)			

BAHAGIAN 2 : BUTIRAN PEMBELAJARAN YANG DIPEROLEH (mulakan dengan yang terkini)

a) PEMBELAJARAN BERSIJIL/PEMBELAJARAN FORMAL

Pembelajaran yang disengajakan atau program pengajian yang disampaikan dalam satu konteks yang terancang dan berstruktur (pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej teknikal dan univesiti) yang boleh membawa kepada penganugerahan formal atau kelayakan yang diiktiraf.

NO.	KELAYAKAN AKADEMIK	BADAN/INSTITUT PENGANUGERAHAN	TAHUN ANUGERAH	KOMPETENSI (Sila tandakan v) (Sila rujuk Lampiran B untuk senarai kemahiran yang diperolehi)								BUKTI PEMBELAJARAN* (Sila rujuk Lampiran A bagi contoh senarai bukti)
				1	2	3	4	5	6	7	8	
1.												
2.												
3.												
4.												
5.												

*Nota: Semua bukti mesti dilabelkan dengan betul

b) PEMBELAJARAN TIDAK FORMAL (mulakan dengan yang terkini)

Pembelajaran secara berterusan sepanjang hidup serta pengalaman kerja (juga dikenali sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman). Biasanya ia merujuk kepada pembelajaran yang diperolehi secara tidak disengajakan.

NO.	NAMA MAJIKAN/ BEKERJA SENDIRI	ALAMAT UNTUK DIHUBUNGI	TEMPOH BERKHIDMAT (BULAN/TAHUN)		JAWATAN DIPEGANG	APA YANG SAYA PELAJARI/PEROLEHI (Sila tandakan v) (Sila rujuk Lampiran B untuk senarai kemahiran yang diperolehi)								BUKTI PEMBELAJARAN* (Sila rujuk Lampiran A bagi contoh senarai bukti)
			DARI	HINGGA		1	2	3	4	5	6	7	8	
1.														
2.														
3.														
4.														
5.														
6.														

* Nota: Semua bukti mesti dilabelkan dengan betul

AKTIVITI PEMBELAJARAN LAIN Boleh merangkumi hobi/sukan/ rekreasi/sosial/khidmat komuniti/ latihan yang diberi/khidmat perundingan atau aktiviti lain yang berkaitan dengan kompetensi		TAHUN	APA YANG SAYA PELAJARI/PEROLEHI (Sila tandakan ✓) (Sila rujuk Lampiran B untuk senarai kemahiran yang diperolehi)								BUKTI PEMBELAJARAN* (jika ada) (Sila rujuk Lampiran A)
			1	2	3	4	5	6	7	8	
2.											
3.											
4.											

* Nota: Semua bukti mesti dilabelkan dengan betul

c) PEMBELAJARAN BUKAN FORMAL (mulakan dengan yang terkini)

Pembelajaran yang selari dengan sistem pendidikan dan latihan arus perdana. Ianya boleh dinilai tetapi lazimnya tidak akan membawa kepada pensijilan yang formal.

NO.	NAMA/TAJUK LATIHAN ATAU KURSUS	PENGANJUR /LOKASI	TARIKH	JANGKA MASA (JAM/HARI /BULAN)	APA YANG SAYA PELAJARI/PEROLEHI (Sila tandakan v) (Sila rujuk Lampiran B untuk senarai kemahiran yang diperolehi)								BUKTI PEMBELAJARAN * (jika ada) (Sila rujuk Lampiran A)
					1	2	3	4	5	6	7	8	
1.													
2.													
3.													
4.													
5.													
6.													
7.													

* Nota: Semua bukti mesti dilabelkan dengan betul

d) KEMAHIRAN BAHASA

BAHASA		TAHAP KOMPETENSI (Sila tandakan v) 1: LEMAH; 2: SEDERHANA; 3: BAIK; 4: CEMERLANG															
		MENDENGAR				MEMBACA				BERTUTUR				MENULIS			
		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
1.																	
2.																	
3.																	

e) PENILAIAN/REFLEKSI KENDIRI (Wajib)

Huraikan bagaimana pengalaman terdahulu yang diperolehi dapat menyediakan anda untuk melanjutkan pelajaran (Tidak melebihi 250 patah perkataan):

1. Mengapakah anda ingin menyambung pengajian dalam bidang berkaitan?

2. Bagaimanakah pengalaman pembelajaran terdahulu anda boleh diaplikasi/berkait/relevan dengan bidang pengajian pilihan anda?

3. Apakah rancangan tindakan anda dalam memastikan anda dapat menamatkan pengajian program dengan jayanya? (Komitmen, pengurusan masa, sumber kewangan dan sokongan dan lain-lain).

4. Bagaimanakah program pengajian yang berjaya ditamatkan ini dapat membantu kehidupan anda?

RUJUKAN ((Ahli keluarga dan ahli saudara terdekat tidak boleh menjadi rujukan)

NAMA		
JAWATAN		
ORGANISASI		
NOMBOR TELEFON	PEJABAT: <i>(Wajib)</i>	TEL. BIMBIT:
ALAMAT E- MEL		
HUBUNGAN		

NAMA		
JAWATAN		
ORGANISASI		
NOMBOR TELEFON	PEJABAT: <i>(Wajib)</i>	TEL. BIMBIT:
ALAMAT E- MEL		
HUBUNGAN		

BAHAGIAN 4: PENGAKUAN DIRI

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat/dokumen yang disertakan untuk menyokong permohonan ini adalah asli, benar dan tepat. Saya memahami sepenuhnya terma dan syarat permohonan dan bersetuju bahawa permohonan saya akan ditolak jika saya telah memalsukan mana-mana maklumat dalam apa jua cara.

Tandatangan:

Nama : Tarikh :

Permohonan ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah:

- a. Dokumen yang bukan di dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu perlu disertakan dengan satu terjemahan penuh yang telah sah diperakui.
- b. Universiti diberi kuasa oleh pemohon untuk menggunakan maklumat atau data dalam permohonan ini sekiranya perlu.
- c. Pensijilan yang dipohon direka untuk memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kemasukan ke Program Akademik yang dipohon, menggunakan Sijil APEL ini adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik yang diluluskan oleh Universiti / Kolej.
- d. Yuran permohonan sebanyak **RM**_____ tidak akan dikembalikan. **Penghantaran wang tunai tidak dibenarkan.**

SENARAI SEMAK		Untuk kegunaan pejabat	
	YA	TIDAK	
Salinan Kad Pengenalan	☐	☐	Pengakuan Tarikh
Yuran Permohonan (Resit pindahan Bayaran/Cek Jurubank/No Draf)	☐	☐	
1 keping gambar terbaru berukuran pasport	☐	☐	
Sijil/Dokumen Diperakukan/Disahkan	☐	☐	
1 salinan permohonan	☐	☐	

APPENDIX A: LIST OF EVIDENCE

Evidence that can be provided for application

Direct Evidence	Indirect Evidence
Certificates You can provide copies of your qualification • School certificates • Statement of results • Courses completed at work	Written Records You can provide copies of • Diaries • Records • Journals • Articles
Work samples You can provide samples of your work • Drawings or photographs • Reports • Written materials • Projects • Objects • Work of arts	E-mail You can provide copies of email communications which verify • Customer feedback • Work activities • Written skills
Records of workplace activities You can provide documents that verify your work activities • Notes • Emails • Completed worksheets • Workplace agreement • Contracts	Supporting letters You can provide letters to verify your claim from • Employers • Community group • People you have work with (paid and unpaid work)
Documents You can provide evidence that shows what you have done in your life • Media articles • Meritorious Awards	

APPENDIX B:

List of skills on what I have learnt based on Malaysian Qualifications Framework Learning Outcome

1. Knowledge and understanding
2. Cognitive skills
3. Practical skills
4. Interpersonal skills and communication skills
5. Digital skills and numeracy skills
6. Leadership, autonomy and responsibility
7. Personal and entrepreneurial skills
8. Ethics and professionalism

LAMPIRAN A: SENARAI BUKTI

Bukti yang boleh disediakan oleh pemohon

Bukti Langsung	Bukti Tidak Langsung
Sijil Anda boleh menyediakan salinan kelayakan anda seperti; • Sijil Persekolahan • Penyata Keputusan • Kursus yang diikuti di tempat kerja	Rekod bertulis Anda boleh menyediakan salinan; • Diari • Rekod • Jurnal • Artikel
Contoh kerja Anda boleh menyediakan contoh tugas/ kerja seperti; • Lukisan atau gambar • Laporan • Bahan bertulis • Projek • Objek • Kerja seni	E-mel Anda boleh menyediakan salinan emel komunikasi yang boleh mengesahkan tuntutan anda seperti; • Maklum balas pelanggan • Aktiviti kerja • Kemahiran bertulis
Rekod aktiviti di tempat kerja Anda boleh menyediakan dokumen yang boleh mengesahkan aktiviti anda di tempat kerja; • Nota • Emel • Kertas kerja yang lengkap • Perjanjian kerja • Kontrak	Surat sokongan Anda boleh menyediakan salinan surat sokongan yang boleh mengesahkan tuntutan dari; • Majikan • Kumpulan komuniti • Klien yang anda pernah bekerja bersama (kerja dengan bayaran atau sukarela)
Dokumen Anda boleh menyediakan salinan bukti yang menunjukkan apa yang telah anda capai dalam kehidupan anda; • Artikel media • Penganugerahan kepujian	

LAMPIRAN B

Senarai kemahiran yang saya pelajari berdasarkan Hasil Pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia

1. Pengetahuan dan kefahaman
2. Kemahiran kognitif
3. Kemahiran praktikal
4. Kemahiran interpersonal dan kemahiran komunikasi
5. Kemahiran digital dan kemahiran numerasi
6. Kepimpinan, autonomi dan tanggungjawab
7. Kemahiran peribadi dan keusahawanan
8. Etika dan profesionalisma